

06 JAN 2000

Suleiman-Organ

TIMBALAN MENTERI IKRAR DERMA ORGAN, GESA YANG LAIN BERBUAT DEMIKIAN

PETALING JAYA, 6 Jan (Bernama) -- Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Suleiman Mohamed hari ini berikrar mendermakan organnya dan menggesa "warga penyayang Malaysia" lain turut berbuat demikian.

"Saya akan benarkan mereka mengambil mana-mana organ dari tubuh saya bagi mereka yang memerlukan," katanya pada majlis penyampaian Anugerah Dayausaha Guinness, di sini.

Suleiman berharap lebih ramai rakyat Malaysia akan tampil dan mendermakan organ mereka.

Kira-kira 16,000 orang berikrar mendermakan organ mereka sejak pelancaran kempen Kad Derma Organ Negara pada Disember 1997.

Kira-kira 79 peratus daripada mereka berumur bawah 41 tahun.

Pusat Sumber Pemindahan Organ Negara juga telah menerima banyak pertanyaan dan telah mengedarkan 50,000 brosur mengenai Kad Derma Organ Negara dalam tempoh tiga bulan pelancarannya.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, yang turut berikrar mendermakan organnya, telah berkata bahawa jumlah mereka yang memerlukan pemindahan organ masih tinggi di negara ini, dengan keperluan tahunan kira-kira 1,200 buah pinggang, 700 kornea, 450 jantung dan 400 hati setahun.

Suleiman turut menggesa orang ramai menderma darah berikutan kekurangan di banyak hospital kerajaan.

"Walaupun terdapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai, permintaan bagi darah masih sangat tinggi," katanya.

Mengenai politik, Suleiman yang merupakan Ketua Umno Wilayah Persekutuan berkata kesemua 11 bahagian di Kuala Lumpur dan Labuan menyokong keputusan majlis tertinggi Umno bagi tiada pertandingan bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

"Kami mahu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikekalkan sebagai presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan bagi jawatan timbalan presiden," katanya.

-- BERNAMA

ES RHM